

10 APR 2002

Pos-Setem

POS MALAYSIA LANCAR SETEM BARU SEMPENA PELANCARAN ERL SABTU INI

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Pos Malaysia akan mengeluarkan setem pos baru sempena pelancaran rasmi perkhidmatan Ekspres Rail Link (ERL) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini.

Timbalan Pengurus Besar Bahagian Setem dan Filateli Pos Malaysia Zakariah Md. Sam berkata setem kenang-kenangan 30 sen dan dua reka bentuk 50 sen itu akan dijual kepada orang ramai mulai 13 April depan.

"Ketiga-tiga reka bentuk setem ini jelas menggambarkan mercu tanda terbaru yang menjadi kebanggaan negara. Ia secara tidak langsung menjadi duta untuk mempromosikan negara kepada dunia," katanya pada sidang media di ibu pejabat Pos Malaysia di sini, hari ini.

Zakariah berkata setem tersebut bersaiz 30mm x 40mm dan mengikut piawaian saiz album setem antarabangsa.

Beliau berkata setem tersebut dicetak menggunakan kertas Tera Air Bersalut Fosfor melalui proses litografi oleh Percetakan Nasional Sdn Bhd.

Katanya setiap helaian setem yang dikeluarkan mengandungi 20 keping setem.

Zakaria berkata Pos Malaysia mengeluarkan sebanyak 2.5 juta keping atau 150,000 helaian manakala bagi setem 50 sen, sebanyak satu juta keping ataupun 50,000 dicetak.

Selain itu, katanya dua lembaran mini setem yang memaparkan tren ERL di Stesen Salak Tinggi dan tren ERL di Stesen Sentral Kuala Lumpur yang masing-masing bernilai RM2 juga akan dijual kepada orang ramai mulai tarikh tersebut.

Sempena pelancaran rasmi ERL itu, Zakariah berkata Pos Malaysia juga turut mengeluarkan Sampul Surat Hari Pertama yang berharga 30 sen setiap satu.

Jualan Sampul Surat Hari Pertama itu bermula 6 April lepas.

Bagaimanapun, katanya hanya terdapat 80,000 keping sampul surat itu yang dihasilkan bagi meningkatkan nilainya di pasaran.

Sementara itu, Zakariah juga berkata Pos Malaysia juga sedang menyediakan satu lembaran cenderamata khas yang akan dikeluarkan sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-12 Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, 25 April depan.

Katanya lembaran cenderamata khas itu akan memaparkan kesemua bekas Yang di-Pertuan Agong bermula daripada Yang di-Pertuan Agong pertama serta tempoh pemerintahan mereka.

-- BERNAMA  
NHA MFJ LAT